



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR
(Department of Irrigation and Drainage Selangor)

TINGKAT 5, BLOK PODIUM SELATAN
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40626 SHAH ALAM, SELANGOR

Tel : 03 - 5544 7376
Fax : 03 - 5510 2911 (Pengurusan)
: 03 - 5510 4494 (Pengarah)
E-mail : aduan_jpss@waterselangor.gov.my
Web : <http://water.selangor.gov.my>



No. Kod : 505016 7376

Ruj. Kami : bil. (47) JPS.Sel.013/1/1/41 Jld. (7)
Tarikh : 19 Julai 2021

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor Darul Ehsan,
Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Seksyen Agihan Dan Pembangunan,
Tingkat 13, Bangunan SAASS,
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
(u.p : En. Nazirul Amri Bin Ibrahim)

Tuan,

**MAKLUMBALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS
BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI
DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**


Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan maklumbalas bagi input dan cadangan sempena sesi libat urus belanjawan 2021 YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Negeri Selangor untuk makluman dan perhatian pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

" SELANGOR MAJU BERSAMA "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK Ir. GAPAR BIN ASAN MIEM, P.Eng)

D.P.S.M., D.S.M., B.C.M.

Pengarah

Jabatan Pengairan Dan Saliran
Negeri Selangor Darul Ehsan

sitti@waterselangor.gov.my/bpkorp@waterselangor.gov.my

s.k:- 1) Fail Timbul

**MAKLUMBALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
1.	YB Bukit Gasing	Pihak JPS, JKR dan ADN perlu membuat keputusan bagi menangani masalah setempat dengan memberi prioriti kepada perkara-perkara yang mendesak.	Perkara ini perlu dibincangkan bersama dengan semua Agensi terbabit.
2.	YB Seri Setia	Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT.	Untuk isu penyelenggaraan jalan bertindih dipohon untuk ulasan daripada JKR. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan sentiasa memberi kerjasama bagi memastikan isu ini di atasi.
3.	YB Sementa	Pihak JPS perlu melihat masalah ban di Kampung Sungai Serdang yang hampir roboh jika tidak ditangani dengan kadar segera.	Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan dua (2) kerja pembaikan di kawasan tersebut, iaitu : 1. Kerja pembaikan kecil di lokasi yang kritikal telah dilaksanakan pada 9 jun 2021 yang lalu (Kos projek adalah RM 19,000.00) 2. Kerja sebutharga untuk pembaikan secara kekal telah di iklan pada 30 Jun 2021 dan dijangka tutup pada 28 Julai 2021 ini. (anggaran kos RM 400,000.00)
4.	YB Meru	Projek tebatan banjir di Meru perlu diberikan peruntukan bagi penyelenggaraan yang berterusan oleh pihak JPS.	Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyiapkan tiga (3) projek dalam RMK-11, iaitu : 1. Projek Saliran Pekan Meru (Kos Projek adalah RM 30 juta) 2. Projek Persiaran Hamzah Alang Pakej 2 (Kos Projek adalah RM 68.0 juta) 3. Projek RTB Sg Kapar Kecil (Kos Projek RM 17.5 juta)

**MAKLUMBALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI BESAR
SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**


D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
1.	YB Bukit Gasing	Pihak JPS, JKR dan ADN perlu membuat keputusan bagi menangani masalah setempat dengan memberi prioriti kepada perkara-perkara yang mendesak.	Perkara ini perlu dibincangkan bersama dengan semua Agensi terbabit.
2.	YB Seri Setia	Isu penyelenggaraan jalan yang bertindih masih berlaku dan memberi kepada penduduk yang melibatkan pelbagai agensi seperti JKR, JPS dan PBT.	Untuk isu penyelenggaraan jalan bertindih dipohon untuk ulasan daripada JKR. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan sentiasa memberi kerjasama bagi memastikan isu ini di atasi.
3.	YB Sementa	Pihak JPS perlu melihat masalah ban di Kampung Sungai Serdang yang hampir roboh jika tidak ditangani dengan kadar segera.	Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan dua (2) kerja pembaikan di kawasan tersebut, iaitu : 1. Kerja pembaikan kecil di lokasi yang kritikal telah dilaksanakan pada 9 jun 2021 yang lalu (Kos projek adalah RM 19,000.00) 2. Kerja sebutharga untuk pembaikan secara kekal telah di iklan pada 30 Jun 2021 dan dijangka tutup pada 28 Julai 2021 ini. (anggaran kos RM 400,000.00)
4.	YB Meru	Projek tebatan banjir di Meru perlu diberikan peruntukan bagi penyelenggaraan yang berterusan oleh pihak JPS.	Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyiapkan tiga (3) projek dalam RMK-11, iaitu : 1. Projek Saliran Pekan Meru (Kos Projek adalah RM 30 juta) 2. Projek Persiaran Hamzah Alang Pakej 2 (Kos Projek adalah RM 68.0 juta) 3. Projek RTB Sg Kapar Kecil (Kos Projek RM 17.5 juta)

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
			Untuk kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran yang telah siap, Jabatan Pengairan dan Saliran menggunakan Peruntukan Sediada Mengurus dan juga melalui Peruntukan Dasar Baru Mengurus. Jabatan Pengairan dan Saliran berharap peruntukan ini dapat ditambah memandangkan penyelenggaraan perlu dibuat secara berterusan dan bilangan projek siap turut bertambah.
5.	YB Sijangkang	i. Isu banjir kilat di Pandamaran melibatkan rancangan tebatan banjir oleh JPS dan JKR. ii. Perancangan infra berkaitan Sungai Langat.	i. Isu Banjir di Pandamaran Bagi mengurangkan risiko di Dun Pandamaran, tiga (3) projek telah dilaksanakan dalam RMK-11 iaitu : 1. Projek Menaiktaraf Pintu Air Jalan Papan (Kos Projek RM 2.6 juta) 2. Projek Rancangan Tebatan Banjir Pandamaran (Kos Projek RM 7.5 juta) 3. Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Sekolah Tengku Ampuan Rahimah (Kos Projek RM 5.7 juta) Ketiga-tiga projek ini telah disiapkan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti JKR, TNB, Air Selangor,MPK dan lain-lain agensi yang berkaitan. ii. Lembangan Sungai Langat merangkumi daerah Hulu Langat, Sepang dan juga Kuala Langat, Bagi perancangan infrastruktur dan mengurangkan risiko banjir di Sg Langat, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2 telah dimohon melalui Peruntukan Persekutuan di bawah RMK-12, RP 2 dengan kos RM500 juta. Skop cadangan projek merangkumi kerja tebatan banjir dan naiktaraf infrastruktur kawalan banjir iaitu: 1. Pengukuhan, melebar dan mendalam sungai

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
			2. Pembinaan ban 3. Penstabilan tebing 4. Pembinaan Pintu Kawalan Air 5. Rumah pam dan sistem pam 6. Menaiktaraf sistem saliran 7. Membina sistem perangkap sampah dan <i>flap gate</i> 8. Pembinaan perangkap sampah ("<i>log boom</i>") 9. Membina dan menaiktaraf kolam takungan banjir 10. Membina dan menaiktaraf <i>Drainage Outlet</i> 11. Membina jambatan dan lintasan
6.	YB Sungai Panjang	Menambahbaik sistem pengairan dan perparitan bagi mengelakkan banjir.	Bagi menambahbaik sistem pengairan dan perparitan, beberapa projek sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam, iaitu : 1. Projek Menaiktaraf Rumah Pam Di Kawasan Pengairan Bagan Terap - untuk meningkatkan sumber bekalan air di kawasan pengairan Sungai Panjang dan Bagan Terap. (Kos kontrak RM 15.7 juta) 2. Projek Menaiktaraf Pintu Air Di Sungai Besar - bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran air lebihan terus ke laut dan secara tidak langsung kejadian banjir dapat dikurangkan. (Kos kontrak RM 3.3 juta) Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam juga telah melaksanakan kerja-kerja Pengorekan Muara Sungai bagi melancarkan aliran air ke laut dan kerja Pengorekan Parit Borrow Pit bagi meningkatkan takungan air lebihan sebelum di salurkan ke laut. Secara tidak langsung, kerja-kerja ini dapat mengurangkan kejadian banjir.

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
7.	YB Sungai Air Tawar	Mohon penyelenggaraan sistem perparitan secara berkala dengan sempurna bagi mengatasi masalah banjir.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan parit secara berkala yang dilaksanakan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan dipantau oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan sempurna mengikut spesifikasi jabatan yang telah ditetapkan. Terdapat dua (2) kategori kawasan di bawah kerja MPKK, iaitu : 1. Kawasan pengairan - 4 pusingan kerja berkala dalam setahun. 2. Kawasan saliran - 3 pusingan kerja berkala dalam setahun.
8.	YB Hulu Bernam	Mohon Kerajaan Negeri membantu menyelesaikan isu banjir yang berulang di Kampung Sungai Selisih Hulu Bernam.	Bagi menyelesaikan isu banjir di Kampung Sungai Selisih Hulu Bernam, Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan dua (2) projek iaitu: 1. Projek membina tembok konkrit penahan banjir dan benteng tanah (Fasa pertama) - pada 2015 meliputi Sg Sentang-Kg Selisek-Sg Nilam sepanjang 2.5km 2. Projek RTB Sg Bernam (Pakej 1-Sg Gesir) – Projek Sambungan RMK-12 bagi pencegahan banjir di Kg Lalang dan Kg Sg Gesir.(Kos projek RM 9.5 juta) Walaubagaimanapun disebabkan faktor hujan lebat menyebabkan limpahan Sg Bernam dan melepasi benteng sediaada. Untuk langkah jangka panjang pencegahan banjir di Kg Selisek, Jabatan Pengairan dan Saliran akan mencadangkan kajian yang lebih terperinci oleh Juru perunding.

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
9.	YB Sungai Ramal	Banjir- perlu diuruskan oleh Kerajaan terutama dalam musim tengkujuh dan menyebabkan kerosakan kepada rumah penduduk. Tebing Sg Langat Kg Teras Jernang runtuh melibatkan kerosakan utiliti yang menyebabkan pertikaian siapa yang perlu bertanggungjawab.	Lawatan tapak telah diadakan pada 25 Jun 2021 bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat, MPKJ, Air Selangor, TNB, Telekom dan Pejabat YB Dun Sg Ramal. Hasil siasatan ditapak mendapati kejadian tebing runtuh Sungai Langat di Jalan Kampung Teras Jernang adalah disebabkan oleh impak akibat paip Air Selangor pecah pada 18 Jun 2021. Oleh yang demikian, pihak Air Selangor telah disyaratkan untuk memperbaiki paip air tersebut dan menaiktaraf tebing Sungai Langat yang runtuh. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Hulu Langat telah mengeluarkan arahan secara bersurat kepada Air Selangor pada 22 Jun 2021. Pada 9 Julai 2021, pihak Air Selangor telah mengeluarkan surat persetujuan untuk memperbaiki tebing sungai bermula 13 Julai 2021 sehingga selesai.
10.	YB Kajang	Isu banjir – Peruntukan bagi perkara ini diberikan tetapi masalah banjir kilat di Sg Langat masih tertangguh. Penyelesaian isu ini telah disediakan dengan anggaran RM500 juta tetapi isu peruntukan perlu disegerakan. Walau pun JPS Hulu Langat telah memperuntukkan RM500 ribu tetapi ianya merupakan penyelesaian jangka pendek. Masalah banjir kilat di kawasan lain yang berhubung dengan saliran Sg Langat perlu juga diteliti semula.	Permohonan untuk penyelesaian jangka panjang bagi menyelesaikan isu banjir Sg Langat telah dipohon melalui Cadangan Projek Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa ke-2 dengan permohonan peruntukan RM500juta telah dikemukakan ke Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia untuk dipertimbangkan dalam RP2, RMK-12.

D.PENGURUSAN & PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/PEMBANGUNAN			
BIL	INPUT DAN CADANGAN DARIPADA	PERKARA YANG DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ AGENSI
11.	YB Dusun Tua	i. Banjir – Projek mendalamkan Sg Langat perlu dipercepatkan untuk mengelakkan banjir apabila musim tengkujuh. ii. Tebatan Banjir - Jumlah peruntukan bagi perkara ini hanya untuk pelantikan perunding tetapi tidak dibajetkan untuk projek fizikal. Peruntukan bagi projek fizikal diperlukan untuk tahun hadapan.	Maklumbalas sama seperti Para.10 (YB Dun Kajang) Untuk Rancangan Tebatan Banjir Kampung Bt.10 Cheras, Kos Projek yang telah diluluskan adalah sebanyak RM10.juta. Kerja-kerja kajian dan rekabentuk sedang dilaksanakan pada tahun ini dan pelaksanaan projek fizikal akan dimulakan pada tahun 2022.
12.	YB Taman Templer	Banjir – Pelebaran Sg Udang masih belum dijalankan dan perlu dilaksanakan segera.	Projek RTB Anak Sungai Udang dengan kos RM20 juta telah pun dipohon dalam RMK-12 diperingkat Persekutuan. Walaubagaimanapun, ia tidak diluluskan dalam tempoh RP1. Jabatan Pengairan dan Saliran akan memohon untuk dipertimbangkan semula dalam RP2. Walaubagaimanapun, bagi mengurangkan kesan banjir di kawasan yang terlibat, kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan kolam takungan secara berkala telah dilaksanakan dan berjaya mengurangkan kekerapan banjir di kawasan tersebut.
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
 DATUK Ir. GAPAR BIN ASAN MIEM, P.Eng D.P.S.M., D.S.M., BCM. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor Darul Ehsan			